

Tarikh Dibaca: 08 FEB 2019M / 03 JUMADA AL-AKHIRAH 1440H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“KU SANGKA INTAN RUPANYA KACA”

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor
3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor
4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor
8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. Tuan Haji Hamid Bin Mat Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid



"KU SANGKA INTAN RUPANYA KACA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : فَدِلْكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمُ الْحَقُّ فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ
إِلَّا الْضَّلَلُ فَإِنِّي تُصَرِّفُونَ^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى وَسَلَّمَ
ذَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ أُوصِيُّكُمْ
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ وَنَفْسِيَ الْمُذْنِبَةَ بِتَقْوَى اللَّهِ تَعَالَى فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا أَتَقُوا
الَّهُ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ^٢.

Muslimin pengunjung setia masjid yang dirahmati Allah,

Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Allah merahmati kita sepanjang hayat dan memasukkan kita dalam kalangan orang-orang yang dijanjikan syurga.

Tajuk khutbah pada kali ini ialah "**KU SANGKA INTAN RUPANYA KACA**".

Hadirin yang dirahmati Allah,

¹ Surah Yunus : 32.



Kita bersyukur kepada Allah SWT, dengan kemakmuran yang di kurniakan-Nya kepada negeri kita ini maka ramai yang berhijrah dari luar negeri datang untuk mencari rezeki di sini. Namun yang membimbangkan kita, sebahagian kecil daripada mereka turut mengambil kesempatan membawa dan menyebarkan ajaran-ajaran sesat kepada penduduk tempatan. Sikap mereka ini tak ubah seperti pepatah Melayu ada menyatakan “sambil menyelam minum air”.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Terdapat sumber rasmi daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor telah melaporkan bahawa terdapat 45 kumpulan telah diwartakan sebagai ajaran salah dan menyeleweng telah dapat dikesan beroperasi di negeri ini. Sebahagian dari kumpulan-kumpulan tersebut adalah dibawa masuk dari negara jiran dan negara lain. Antara kumpulan sesat yang telah dikesan ialah:

1. Ahmadiyah atau Qadiani yang telah difatwakan sebagai bukan Islam, kumpulan ini berasal dari Qadyan, Punjab India. Beberapa institusi negara Islam telah mengharamkan kumpulan ini. Darul Ifta' Mesir (2017) dan Darul Ifta' Jordan (2009) masing-masing telah mengeluarkan fatwa bahawa Qadyani terkeluar daripada Islam. Fatwa tentang kumpulan ini telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan telah diwartakan sejak 24 September 1998.
2. Syiah yang kadang-kadang menggunakan nama yang mengaburi mata seperti Ahlul Bait dan Tentera Imam Mahdi dan lain-lain.
3. Hizbut Tahrir yang telah diharamkan oleh beberapa buah negara termasuk Turki, Arab Saudi, Mesir, Libya, Yaman serta Jordan dan lain-lain Negara Islam. Kumpulan ini juga telah difatwakan sebagai sesat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, dan telah diwartakan pada 11 September 2015.



4. Millah Abraham yang juga dikenali sebagai kumpulan Negara Islam Indonesia, Kumpulan Pemuda Kahfi, Addin dan lain-lain. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengharamkannya dengan mewartakannya pada 17 September 2015. Isu ini telah diangkat ke atas mimbar-mimbar masjid di Negeri Selangor melalui pembacaan khutbah jumaat Jabatan Agama Islam Selangor pada 9 Oktober 2015.

5. Islam Jamaah. Kumpulan ini sering menukar-nukar nama kepada nama-nama yang lain seperti Lembaga Karyawan Indonesia (Lemkari), Pengajian Manqul, Jamaah Hadis, Lembaga Dakwah Islamiah Indonesia dan lain-lain lagi. Ini adalah bertujuan untuk mengaburi mata orang-orang awam dan penguasa agama setempat. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengharamkannya dan fatwa tersebut telah diwartakan pada 24 September 1998.

Di samping itu terdapat juga ajaran-ajaran sesat yang direka oleh orang-orang tempatan seperti Jamaah Kerajaan Langit, Rasul Melayu, Al-Arqam, Tuhan Harun, Zikir nafas ajaran Ismail Kasim dan lain-lain. Ada juga ajaran-ajaran ekstrim dan sesat yang diimport dari negara tertentu seperti fahaman Wahhabi, Mujassimah dan Takfiri. Dari segi aqidahnya mereka tegar mengatakan Allah mempunyai anggota seperti tangan, kaki, wajah dan mata. Kumpulan ini juga suka menjelek-jelekkkan dan membida'ahkan perkara-perkara khilafiah yang tidak sefahaman dengan mereka. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pula telah memfatwakan bahawa perkara khilafiah tidak boleh dihukum sebagai bid'ah. Fatwa ini telah diwartakan pada 31 Julai 2014.

Bukan itu sahaja, malahan pemikiran Liberalisme dan Pluralisme agama juga telah difatwakan dan diwartakan pada 31 Julai 2014 sebagai sesat dan menyeleweng. Semua ini boleh membawa kepada bahaya dan musibah



yang lebih besar iaitu Fahaman Atheist yang tidak percaya kepada kewujudan tuhan.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Khatib menyeru agar setiap kita melengkapkan ilmu aqidah atau ilmu usuluddin yang lurus dan jelas supaya kita dapat membezakan yang mana tulen dan yang mana palsu. Ilmu tersebut hendaklah dipelajari dari guru-guru yang bertauliah dan dikenal sebagai ulama atau guru agama bukan tok bomoh atau dukun.

Alangkah malangnya jika ketika seseorang berada di dunia yang sementara ini merasa dan menyangka berada di jalan yang benar sedangkan sebaliknya ia berada di jalan yang batil. Alangkah ruginya jika yang anda sangka intan itu rupanya kaca.

Sesungguhnya kesesatan itu boleh saja berlaku jika seseorang itu jahil, lalai dan tidak peduli dengan soal-soal yang berkaitan dengan agama khususnya soal akidah. Maka dalam kesempatan ini khatib ingin menggariskan beberapa panduan agar seseorang itu tidak terjebak ke dalam jerangkap kesesatan dan penyelewengan. Marilah berpegang kepada panduan-panduan berikut:

Pertama: Bahawa tiada tuhan yang layak disembah dengan sebenarnya melainkan Allah. Dia mempunyai sifat-sifat kesempurnaan yang tiada suatu pun yang menyamainya. Maha suci Dia dari sifat-sifat yang menyerupai makhluk seperti tangan, kaki, mata dan wajah. Dia tidak datang dan pergi, tidak turun dan naik bahkan Dia tidak duduk di suatu tempat.

Kedua: Bahawa Nabi Muhammad SAW adalah Nabi dan Rasul yang akhir, jelasnya tiada Nabi lagi selepas Baginda. Dakwaan adanya Nabi selepas Baginda adalah sesat dan bercanggah dengan Akidah Islamiah.



Ketiga: Al-Quran yang di tangan umat Islam sekarang ini telah lengkap dan tidak ada satu ayat pun yang disorokkan, bukan seperti dakwaan sesetengah pihak. Sesiapa dalam kalangan orang Islam yang membuat dakwaan seperti itu maka rosaklah akidahnya, wal 'iyazubillah.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bermuhasabah dan menginsafi diri, bagaimana kita akan berhadapan dengan Allah di akhirat kelak jika kita tidak termasuk dalam kalangan yang selamat, sedangkan Allah mengingatkan kita agar memilih jalan yang lurus dan selamat. Allah berfirman dalam surah al-An'am ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا آلَّ سُبُّلَ
فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ



"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraiberaikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa."

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Akhirnya marilah kita menelusuri kandungan khutbah ini serta mengambil pengajaran yang terkandung di dalamnya:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa hanya dengan aqidah yang benar seseorang boleh selamat di dunia dan akhirat.



2. Umat Islam wajib mempelajari asas-asas ilmu fardhu ain terutama yang berkaitan dengan akidah dan ibadah, seterusnya diperkuuhkan dengan penghayatan yang sempurna.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa mendampingi dan merujuk kepada guru-guru agama yang bertauliah dan mengelakkan diri dari merujuk kepada sebarang orang yang tidak diketahui keilmuannya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ شَهِيدًا يَعْلَمُ مَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْبَطِلِ وَكَفَرُوا
بِاللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الْخَسِرُونَ

٥٣

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Cukuplah Allah menjadi saksi (yang mengetahui perkara yang berbangkit) antaraku dengan kamu; ia mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi. Dan mereka yang percaya kepada perkara yang salah dan tidak percaya kepada Allah, mereka itulah orang-orang yang rugi."

(al-Ankabut : 52).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِنِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Sahari/Nurul

25.01.2019



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سلاُغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ
ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ العَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاُغُور، تَغْكُو
أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَالْجَلَالِ وَالإِكْرَامِ. أَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ^ج يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

٩.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدِكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
